

KOSMO  
m15 2  
3/10/2015

Malaysia setuju terima mangsa perang bagi mengurangkan krisis kemanusiaan

# 3,000 pelarian Syria ke Malaysia



**NEW YORK** – Malaysia akan membuka pintu kepada 3,000 pelarian Syria dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi membantu meringankan krisis pelarian antarabangsa, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata, negara-negara Islam sebahagiannya bertanggungjawab memastikan kesejahteraan orang Syria yang tertinggal melarikan



SEKUMPULAN pelarian Syria berjaya sampai ke Pulau Lesbos, Greece baru-baru ini.

## PETA KEDUDUKAN SYRIA



BERNAM

NAJIB menyatakan Malaysia bersetuju menerima 3,000 pelarian Syria dalam tempoh tiga tahun semasa berucap pada Perhimpunan Agung PBB di ibu pejabat badan dunia itu di New York kelmarin.

INFO pelarian asing yang

Suikan kesejahteraan orang Syria yang terpinggir melarikan diri dari negara mereka dengan jumlah yang besar sehingga mengakibatkan tekanan ekonomi dan sosial di Eropah.

“Sebab itu, Malaysia selama ini telah mengambil banyak orang yang melarikan diri daripada peperangan, kebuluran dan penganiayaan. Kini kami mempunyai ratusan ribu migran dan kami mengambil lebih ramai awal tahun ini apabila terdapat krisis kemanusiaan di Laut Andaman,” katanya pada sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) di sini kelmarin.

Sejak empat tahun lepas, kira-kira empat juta pelarian Syria telah melarikan diri ke negara-negara jiran dan bergebulang dalam kancah kemiskinan.

Syria dilanda peperangan saudara sejak Mac 2011 apabila sebahagian besar penduduk bangkit menentang pemerinta-

han Presiden Bashar Al-Assad sehingga mengakibatkan lebih 250,000 orang terkorban.

Najib berkata, penyelesaian antarabangsa yang baharu diperlukan bagi menangani krisis migrasi.

“Kita mesti menghormati nilai kemanusiaan bersama dan isu berjuta-juta rakyat Syria melarikan diri dari negara mereka harus menjadi kebimbangan dan perhatian dunia.

“Apabila kita melihat gambar memilukan jasad Aylan Kurdi berusia tiga tahun yang terdampar di pantai dan merasakan seolah-olah anak kita sendiri dalam wajah kanak-kanak lelaki tidak berdosa itu maka kita akan bertindak untuk berbuat lebih baik.

“Orang di seluruh dunia mearayu bantuan kita. Kita tidak boleh - tidak akan membiarkannya sahaja,” kata Najib. - Bernama



GAMBAR menunjukkan sebahagian besar pelarian Syria menuju ke Edirne, Turki untuk pergi ke Greece dan Bulgaria pada 18 September lalu.

# Kad khas untuk pelarian mangsa perang

Oleh FAHMY AZRIL ROSLI

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan akan mengeluarkan kad pengenalan khas untuk 3,000 pelarian Syria setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bersetuju untuk menerima mangsa-mangsa dari negara Asia Barat itu yang dilanda konflik peperangan.

Timbalan Perdana Menteri,

Datuk Seri Zahid Hamidi (**gambar**) berkata, kad itu memiliki ciri-ciri yang serupa pada i-Kad untuk pekerja asing yang bekerja di negara ini.

Beliau menjelaskan, pada kebiasaannya proses untuk mengeluarkan kad ini melibatkan kerjasama Suruhanjaya Pertubuhan



Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian dengan Organisasi Migran Antarabangsa bagi pelarian yang ingin memasuki Malaysia.

“Kerajaan mungkin akan mengam- bil pendekatan bersama pemaju swasta termasuk syarikat berkaitan kerajaan

untuk membantu pelarian terbabit dari segi penempatan, pendidikan dan peluang pekerjaan semasa berada di sini sehingga negara mereka kembali aman,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Kebangkitan Radikalisme dan Ekstremisme Ganas di sini semalam.

## INFO pelarian asing yang diterima Malaysia

- Selepas Perang Vietnam tamat pada April 1975, kira-kira 250,000 pelarian Vietnam berlandung di kemah pelarian di sebuah pulau kecil di Pulau Bidong, Terengganu.
- Pada tahun 1970-an dan 1980-an kerajaan Malaysia menerima dan menempatkan semula lebih 50,000 orang Islam Filipina dari Mindanao di Sabah.
- Kerajaan juga telah menempatkan semula beberapa ribu orang Islam Cham dari Kemboja pada tahun 1980-an dan beberapa ratus pelarian Bosnia pada 1990-an.
- Sehingga akhir Ogos 2015, seramai 153,880 pelarian perang dan pencari suaka berdaftar dengan UNHCR di Malaysia.
- Jumlah pelarian Rohingya di Malaysia adalah 48,800 orang.
- Setakat ini negara yang bersetuju menerima pelarian Syria ialah Amerika Syarikat, Greece, Turki, Britain, Brazil dan Jerman, Turki, Lebanon, Mesir, Jordan, Iraq, Magribi, Algeria dan Libya.

## Info Jumlah Pelarian di Malaysia

### JUMLAH PELARIAN DI MALAYSIA

Chin (Myanmar)	- 49,800
Rohingya (Myanmar)	- 48,800
Muslim (Myanmar)	- 12,340
Rakhine dan Arakan (Myanmar)	- 7,320
Lain-lain (Myanmar)	- 26,940
Sri Lanka	- 3,970
Pakistan	- 1,200
Somalia	- 1,100
Syria	- 960
Iraq	- 850
Iran	- 550
Palestin	- 430
Lain-lain	- 1,940

**Sumber:** Data Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR)